



BIDANG perniagaan tekstil banyak melibatkan peniaga dan pelanggan wanita.

Foto: AFP

RMK-9

Women - Achievement

PELUANG WANITA LEBIH CERAH

SEMPENA sambutan Jubli Emas Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Dialog *Dewan Masyarakat* (Siri 1) diadakan di DBP pada 30 Mei yang lalu. Dialog yang bertemakan "Wanita: Peranan dan Cabaran dalam RMK-9" ini dipengerusikan oleh Ketua Pergerakan Puteri UMNO Malaysia, Dato' Noraini Ahmad, dua orang ahli panel, Profesor Dr. Norma Mansor, Dekan

Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran, Universiti Malaya, dan Dr. Sivamurugan Pandian, pensyarah Sosiologi Politik di Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, Universiti Sains Malaysia.

Sesi dialog ini banyak mengupas cabaran, peranan, hala tuju, dan formula yang perlu dilakukan oleh golongan wanita dalam RMK-9. Dalam hal ini ahli panel pertama,

Profil Pengerusi dan Panel



Datu' Noraini Ahmad

Ketua Pergerakan Puteri UMNO Malaysia ini berasal dari Batu Pahat, Johor. Beliau memperoleh Ijazah

Sarjana Muda Perdagangan (*double major*) dalam Analisis Kuantitatif dan Kewangan dari Universiti Saskatchewan, Saskatoon, Kanada, pada 1991. Kemudian, pada 2005 beliau memperoleh Ijazah Sarjana Pengurusan Perniagaan dari Universiti Tun Abdul Razak, Kuala Lumpur.

Beliau merupakan Ahli Jawatankuasa UMNO Bahagian Ayer Hitam, Johor. Penglibatannya dalam Pergerakan Puteri UMNO Malaysia bermula apabila beliau dilantik sebagai Setiausaha Pergerakan Puteri UMNO Malaysia pada 2001 - 2004. Kemudian, beliau menjadi Naib Presiden Pergerakan Puteri UMNO Malaysia pada 2002 - 2004. Pada masa yang sama be-

liau merupakan Ketua Pergerakan Puteri UMNO Malaysia Bahagian Ayer Hitam (2002 - 2004). Beliau dilantik sebagai Ketua Pergerakan Puteri UMNO Malaysia pada 2004 sehingga sekarang.

Dari segi pengalaman bekerja, beliau sekarang merupakan Pengerusi Connect Country Holdings Berhad dan Perunding Perniagaan HCM Engineering Sendirian Berhad. Sebelum ini beliau pernah menjadi Pengurus Besar Padiberas Nasional Berhad (1998 - 2003), Setiausaha Eksekutif (sambilan) Kelab Ahli Parlimen Barisan Nasional (1994 - 2002), Pengurus (firma perundangan) UPEN Securities Sendirian Berhad, Labuan Securities Sendirian Berhad, Halim Securities Sendirian Berhad (1994 - 1998), Penyelidik dan Pengurus Kewangan Kelab Ahli Parlimen Barisan Nasional (1992 - 1994), dan Perunding Kewangan Mutual of Omaha di Saskatchewan, Kanada.

Dalam kerja sosial dan pertubuhan bukan kerajaan, beliau sekarang merupakan Penasihat Yayasan Hikmat Insan Malaysia. Sebelum ini beliau pernah menjadi Ahli Jawatankuasa, Jawatankuasa Kecil Etika dan Nilai, Majlis Tindakan Ekonomi Negara (2004), Ahli Panel Jabatan Integrasi Nasional di bawah

Jabatan Perdana Menteri (2004 - 2006), Ahli Lembaga Pengarah Majlis Amanah Rakyat (2004 - 2006), Ahli Jawatankuasa Kelab UMNO Luar Negara (2004), Ahli Jawatankuasa Kelab Warisan Negara (2003 - 2007), dan Ahli Lembaga Pengarah Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (2001 - 2004).



Profesor Dr. Norma Mansor

Dekan Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran, Universiti Malaya (UM) ini berasal dari Pasir Mas, Kelantan.

Beliau memperoleh Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) Ekonomi pada 1980 dari UM. Pada tahun berikutnya, beliau memperoleh Ijazah Sarjana Pentadbiran Awam dari Universiti Liverpool, England. Beliau mendapat Ijazah Doktor Falsafah (Ph.D)

Norma, banyak menyentuh peluang wanita sebagai tenaga kerja dan cabaran yang terpaksa ditempuhi oleh mereka pada masa akan datang.

Katanya, wanita mendapat peluang yang besar menerusi pertumbuhan ekonomi negara sejak 1970-an hingga 1990-an. Ketika itu ekonomi negara berkembang pesat kerana sektor pembuatan mendapat permintaan yang tinggi dari negara jiran, kestabilan politik, dan infrastruktur yang mantap. Selain itu, pertumbuhan ekonomi yang pesat di China, India, dan negara anggota Pertubuhan Negara Asia Tenggara (ASEAN), dimanfaatkan sebaik-baiknya oleh Malaysia menerusi beberapa pelaburan strategik.

"Strategi RMK-9 amat bertepatan untuk memajukan dan memperkukuh ekonomi negara. Selain sektor pembuatan dan pengeluaran komoditi seperti petroleum dan minyak sawit, tumpuan turut diberikan kepada

sektor lain yang boleh menghasilkan nilai tambah negara," kata Norma.

Menurut beliau, secara tidak langsung RMK-9 menyediakan banyak peluang pekerjaan terutama kepada wanita sebagai usahawan. RMK-9 memberikan perhatian kepada industri asas tani dan bioteknologi dengan peruntukan besar sebanyak RM11.4 bilion. Selain itu, wanita boleh memanfaatkan bidang penyelidikan dan pembangunan perniagaan; produk komersial; pembangunan Internet; teknologi komunikasi dan maklumat (ICT); dan industri pelancongan yang turut diberikan penekanan dalam RMK-9.

Tambahnya, kira-kira RM10.9 bilion diperuntukkan dalam RMK-9 untuk pembangunan ICT. Wanita boleh menggunakan Internet sebagai medium perniagaan, pengurusan dan perdagangan secara digital, serta menjadi pembekal ICT kepada kerajaan dan rakyat. Negara masih kekurangan

pembekal ICT ke kawasan luar bandar. Pembekalan ICT ke serata tempat mampu mengurangkan jurang perbezaan antara penduduk bandar dengan luar bandar dalam bidang ICT.

Dalam aspek pembangunan penduduk, Kementerian Kemajuan dan Pembangunan Wilayah, menerima peruntukan yang kedua terbesar selepas Kementerian Pertanian dan Asas Tani dalam RMK-9.

Selain itu, menurut Norma, RMK-9 turut menekankan pembangunan pusat (hub) halal Malaysia di peringkat antarabangsa. Kira-kira 108 bilion orang umat Islam di seluruh dunia menggunakan produk makanan halal. Menurut Norma, saiz pasaran perniagaan makanan halal di Malaysia sahaja berjumlah RM5 bilion setahun. Pada era globalisasi yang semakin terbuka sekarang memudahkan Malaysia memasuki pasaran produk makanan halal antarabangsa. Peluang ini perlu direbut oleh usahawan di

Dialog Dewan Masyarakat

Pentadbiran Awam dari universiti yang sama pada 1985.

Kerjayanya dalam akademik bermula di Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran UM sebagai pensyarah. Beliau dinaikkan pangkat ke jawatan Profesor Madya pada 1992 dan Profesor pada 2000. Pada tahun yang sama, beliau dilantik sebagai Ketua Jabatan Pengajian Pentadbiran dan Politik, di Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran UM sehingga 2001. Ketika mengambil cuti sabatikal, beliau menjadi ahli akademik pelawat bagi beberapa institusi seperti Universiti Stanford, Massachusetts Institute of Technology, East West Centre di Amerika Syarikat, dan Universiti Waseda, Jepun. Beliau juga pernah mengikuti latihan di INSEAD, Fontainebleau, Paris.

Beliau sering dijemput menyampaikan kertas kerja di dalam dan luar negara. Antaranya, *ASEAN Confederation of Women's Organisations* (ACWO) dan *International Conference on Comparative Management and Third Academic Conference on Management Development Institutions in South Asia* (AMDISA).

Beliau juga aktif menulis rencana dalam jurnal akademik dan buku. Antara buku beliau ialah *The Malaysian Case*

in Issues and Challenges for National Development ditulis bersama Tan Sri Ahmad Nordin Haji Zakaria (1990), *Women Managers of Malaysia*, ditulis bersama-sama Sieh M.L., Lang C.Y., dan Phang, S.N. (1991), *Managing for High Performance* ditulis bersama Muhammad Rais (1998), *Building a Multicultural Team in Understanding the Malaysian Workforce: Guidelines for Managers*, dan *The Malaysian Bureaucracy: Four Decades of Development*, ditulis bersama Tan Sri Dato' Dr. Abdullah Sanusi Ahmad (2003).



Dr. Sivamurugan Pandian

Pensyarah Sosiologi Politik di Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, Universiti Sains Malaysia (USM) ini

berasal dari Tanjung Malim, Perak.

Beliau memperoleh Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) Antropologi dan Sosiologi dari Universiti Malaya pada 1995. Lima tahun kemudian beliau mendapat Ijazah Sarjana Politik Antarabangsa dari Universiti Aoyama Gakuin, Jepun, di bawah tajaan Biasiswa Monbusho (Kementerian Pendidikan Jepun) dan Fellow Rancangan Latihan Kakitangan Akademik (RLKA) USM. Beliau memperoleh Ijazah Doktor Falsafah (Ph.D) Sosiologi Politik pada 2004 dari Universiti Malaya.

Hasil kajian peringkat Ph.D beliau yang bertajuk, *Legasi Mahathir*, telah diterbitkan oleh Utusan Publications & Distributions. Beliau juga menghasilkan beberapa buah buku lain, antaranya, *Abdullah Ahmad Badawi: Jalan ke Puncak*, *Abdullah Ahmad Badawi: Satu Tahun di Putrajaya*, dan *Malaysia: Isu-isu Sosial Semasa*.

Di samping itu, beliau juga banyak menulis rencana dalam jurnal tempatan dan antarabangsa, majalah *Dewan Masyarakat*, akhbar *Utusan Malaysia*, dan sering dijemput sebagai ahli forum dan penganalisis politik tanah air oleh media massa.

Malaysia khususnya wanita.

Sambung beliau lagi, peluang wanita juga cerah dalam RMK-9 apabila sektor pelancongan mampu menyumbang pertumbuhan ekonomi negara dengan pendapatan dua kali ganda lebih tinggi berbanding dengan hasil kelapa sawit, dan hanya kurang 30 peratus jika dibandingkan dengan hasil petroleum. Selain memaparkan nilai budaya rakyat Malaysia, sektor pelancongan boleh diperkembangkan kepada agropeplancongan, ekopelancongan, pelancongan kesihatan, *homestay*, dan sukan rekreasi.

"Banyak peluang pekerjaan yang dihasilkan menerusi RMK-9. Namun, untuk berjaya dalam sektor pekerjaan, wanita perlu mempunyai pengetahuan teknikal, berketerampilan, keyakinan diri, dan kebolehan berkomunikasi. Keusahawanan merupakan bidang pekerjaan yang sesuai untuk wanita terutama selepas bersara atau sebagainya," kata Norma.

Walaupun mempunyai peluang yang cerah, wanita tidak boleh lari daripada menghadapi cabaran. Tambahan pula jelas Norma, kajian menunjukkan bahawa wanita hidup (enam tahun) lebih lama daripada lelaki. "Lagi lama wanita hidup, lagi banyak cabaran yang terpaksa diharungi. Kira-kira 2.3 peratus wanita yang berumur 65 tahun ke atas. Dalam usia begini, wanita terpaksa menanggung kos perubatan dan kos sara hidup," katanya.

Selain itu, cabaran wanita adalah menjadi ibu tunggal. Menurut Norma, statistik negara menunjukkan kemiskinan dalam kalangan ibu tunggal adalah sebanyak 11.5 peratus. Perkara ini perlu difikirkan bersama dan mencari jalan penyelesaiannya. Kalau kerajaan hendak membasmi kemiskinan, nasib ibu tunggal juga perlu diberikan pembelaan yang sewajarnya.

Pengerusi turut bersetuju dengan pandangan yang dilontarkan oleh ahli panel

pertama. Setiap wanita tegas beliau mempunyai keupayaan dan pandu sendiri (*self-driven*) yang tidak terlalu bergantung pada orang lain. Usaha kerajaan mewujudkan program khusus seperti pelaksanaan konsep bekerja dari rumah dan menggalakkan pembabitan dalam industri asas tani, makanan halal, bioteknologi pertanian, dan penjagaan kesihatan amatlah dihargai.

Sementara itu panel kedua dialog, Dr. Sivamurugan turut memberikan kupasan yang menarik tentang wanita dan RMK-9. Katanya, penyertaan wanita dalam bidang politik dan kuasa kepemimpinan kurang menyelerah di negara ini kerana masyarakat masih belum bersedia menerima wanita sebagai pemimpin tertinggi, contohnya perdana menteri wanita.

Sebenarnya pembabitan wanita dalam politik di negara ini sudah lama berlaku. Sebelum merdeka, wanita turut terlibat menentang penubuhan Malayan Union dan

menuntut kemerdekaan. Bilangan wanita di Malaysia sekarang ialah kira-kira 13.2 juta orang daripada 26.75 juta orang penduduk.

"Adakah masih wujud diskriminasi wanita dalam politik atau pembabitan wanita dalam politik dianggap canggung? Walaupun banyak wanita yang menceburi bidang politik, tetapi banyak juga yang tidak aktif," jelasnya.

Politik katanya, wujud di mana-mana, sama ada di rumah, pejabat atau dalam organisasi, tetapi wanita tidak memberikan keutamaan kepada kerjaya politik. Wanita juga mendapat halangan daripada kehidupan tradisi yang banyak menyekat pergerakan wanita dalam politik.

Terdapat kekosongan dalam kerjaya politik apabila kurangnya pembabitan anak bekas pemimpin politik dalam kalangan wanita. Jika dibandingkan dengan negara di rantau Asia seperti Indonesia, Filipina, Pakistan, dan India, pembabitan secara aktif wanita (anak bekas pemimpin) dalam politik Malaysia terlalu kurang.

Terdapat dalam kalangan anak bekas pemimpin yang berwibawa dan berkemampuan, tetapi tidak menyerlah dalam politik negara. Keadaan ini berbeza daripada negara lain yang dipimpin oleh wanita yang mewarisi bakat kepimpinan bapa mereka seperti Benazir Bhutto, Megawati dan Arroyo.

Tambahnya, takrif "perdana menteri wanita" perlu didefinisikan semula berdasarkan populasi untuk memenuhi keperluan pembangunan negara. Negara seperti India, Pakistan, dan Filipina mungkin boleh dijadikan contoh sebagai negara yang dipimpin oleh perdana menteri wanita. Menurutnya, tidak menjadi kesalahan wanita memimpin di peringkat nasional.

"Apabila masyarakat memperjuangkan jaminan, hak, dan martabat wanita, mereka harus memastikan tiada agenda tersembunyi yang dihidangkan atas nama atau penyertaan wanita. Kedudukan, peluang, dan keistimewaan yang sedia ada dinikmati oleh wanita tidak harus disia-siakan. RMK-9 menuntut wanita menyumbang dalam pengurusan dan kemajuan negara. Dalam mengharungi dunia yang penuh mencabar, wanita perlu mengimbangi diri dari segi mental, fizikal, dan kekuatan politik," katanya lagi sebagai mengakhiri dialognya.

Dalam hal ini pengerusi menambah, wanita perlu memastikan penglibatan lebih aktif dalam politik dan kepimpinan.

"Wanita perlu melihat bahawa politiklah yang menjadi pentas terbaik untuk mereka memperjuangkan isu-isu yang melingkari hidup mereka," ulas pengerusi.

Secara keseluruhan, pengerusi merumuskan dialog ini berjaya mengenal pasti peranan yang boleh dilaksanakan serta cabaran yang perlu diatasi oleh wanita un-



PERANAN wanita dalam politik di negara ini tidak begitu menonjol.

tuk menjayakan RMK-9. Antaranya, golongan wanita harus menguasai ilmu pengetahuan, menggunakan konsep pelbagai tugas (*multi-tasking*), mengubah sikap untuk berjaya, dan meningkatkan rangkaian hubungan dan saling bekerjasama.

"Perlu ada satu lagi dialog yang memberikan fokus dengan lebih lanjut dalam bidang keusahawanan terutama peluang yang disediakan kepada wanita yang berminat," kata pengerusi lagi.

Dialog ini dimeriahkan dengan sesi soal jawab peserta dengan ahli panel. Berhubung peranan wanita dalam RMK-9, terdapat beberapa cadangan daripada peserta wanita agar setiap parti politik yang bertanding mengemukakan calon wanita dan calon lelaki dalam pilihan raya. Penyertaan wanita dalam bidang politik amat dialu-alukan. Wanita perlu menonjolkan diri secara perlahan-lahan. Daripada menduduki jawatan di peringkat cawangan, bahagian, seterusnya wanita boleh mendaki takah ke peringkat yang lebih tinggi.

Malangnya, dalam kalangan wanita, ada yang enggan tampil ke hadapan kerana menganggap politik suatu bidang yang sukar, sangat mencabar, "kotor" dan seolah-olah akan ditinggalkan rakan kerana menjadi ahli politik. Wanita perlu menyedari bahawa tidak semua politik itu "kotor", kerana apabila menjadi ahli politik, mereka mampu mempengaruhi sesuatu keputusan dasar.

Wanita yang sibuk dengan kerjaya jangan sesekali melupakan peranannya sebagai isteri dan ibu dalam institusi kekeluargaan. Wanita tidak dihalang keluar bekerja, tetapi jangan sampai mengabaikan tanggungjawab memupuk nilai rohani, keagamaan, dan kasih sayang dalam keluarga. Perkara inilah yang menjadi tunggak dalam keluarga agar tidak berlaku masalah sosial di luar rumah.

Di bahu wanita terletak jatuh bangun sesebuah negara. Peranan yang dimainkan oleh wanita untuk pembangunan negara dan sosial bukan perkara ringan yang boleh diketepikan begitu sahaja. ■